

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2025**

**MPP 3
SEJARAH
KERTAS 2**

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



SULIT

NAMA: TINGKATAN:

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

MPP 3 TAHUN 2025

SEJARAH SPM (TINGKATAN 5)

1249/2

Kertas 2
Julai/Ogos
2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawab semua soalan di Bahagian A dan tiga soalan daripada Bahagian B.
4. Tulis jawapan bagi Bahagian A dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan
5. Tulis jawapan bagi Bahagian B dan kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
6. Anda boleh menggunakan Kertas Helaian Tambahan jika helaian dalam kertas Jawapan tidak mencukupi.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
8. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
9. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Bahagian A
Jawab semua soalan
(40 markah)

- 1 Undang-undang memainkan peranan penting dalam mengawal pemerintahan, ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pemerintah melaksanakan undang-undang untuk menjaga kestabilan dan keagungan kerajaan.

(a) Namakan undang-undang tersebut.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan kandungan kedua-dua undang-undang di 1(a).

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Berikut adalah berkaitan dengan prinsip Rukun Negara kita.

Kedaulatan Undang-Undang

Sebagai seorang warganegara yang patriotik, bagaimanakah anda mengamalkan prinsip Rukun Negara tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan telah diadakan pada tahun 1955.

(a) Mengapakah pilihan raya tersebut diadakan?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Bagaimanakah Pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955 dilaksanakan?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) telah memberikan kesan kepada perkembangan politik tanah air.

Ulaskan.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 3 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) merupakan institusi berperanan menegakkan kebebasan asasi di negara ini.

(a) Apakah maksud kebebasan asasi?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Teliti maklumat berikut.

Isu agama, bangsa dan institusi Raja perlu ditangani dengan cermat bagi memelihara keharmonian perpaduan kaum.

Sumber : <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pendekatan-keseluruhan-kerajaan-tangani-isu-3r>

Ulasakan pernyataan tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 Peristiwa 13 Mei 1969 memberi peringatan kebenaran peribahasa kalah jadi abu, menang jadi arang kerana konflik itu merugikan semua kaum, selain menjejaskan imej negara di persada antarabangsa.

Sumber: Bernama, 13 Mei 2019

- (a) Mengapakah peristiwa tersebut berlaku?

.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah peristiwa tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Rukun Negara ialah sebuah falsafah negara Malaysia yang diisytiharkan secara rasmi pada 31 Ogos 1970.

Bagaimanakah amalan prinsip-prinsip dalam Rukun Negara dapat mengelakkan peristiwa 13 Mei 1969 berulang kembali?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]



Bahagian B
Jawab **tiga** soalan
(60 markah)

- 5 Serangan tentera Jepun bermula di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941, manakala serangan terhadap Sarawak dan Sabah bermula pada 16 Disember 1941
- (a) Jelaskan faktor-faktor kedatangan Jepun ke negara kita. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah tentera Jepun melaksanakan dasar pemerintahannya di negara kita? [8 markah]
- (c) Teliti gambar tersebut.



Berdasarkan perkembangan teknologi persenjataan masa kini, ramalkan masa depan dunia.

[8 markah]

- 6 Kemerdekaan sememangnya dinantikan oleh seluruh rakyat di negara kita. Bagi memastikan detik ini bermakna kepada negara dan rakyat beberapa persediaan diatur pada peringkat Persekutuan dan negeri.

(a) Jelaskan persiapan yang dilakukan oleh jawatankuasa berikut bagi menjayakan upacara pemasyhuran kemerdekaan negara.


(i) Jawatankuasa Fizikal

[6 markah]

(ii) Jawatankuasa Sambutan

[6 markah]

(b) Teliti poster berikut.



Huraikan mesej yang terdapat dalam poster.

Kemerdekaan membawa kebaikan kepada negara. Buktikan.

[8 markah]

- 7 Idea gagasan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ialah penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei untuk merdeka dalam satu sistem Kerajaan Persekutuan.
- (a) Mengapakah wilayah-wilayah tersebut bersetuju menyertai Malaysia? [4 markah]
- (b) Bagaimanakah reaksi wilayah-wilayah tersebut terhadap idea gagasan Malaysia. [8 markah]
- (c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

Hari Malaysia ialah hari untuk seluruh rakyat Malaysia, maka ia perlu diraikan bersama di seluruh pelosok negara. Justeru, Hari Malaysia sepatutnya diraikan di bandar lain di negara kita, sebagaimana Hari Kebangsaan pada 31 Ogos perlu juga diraikan di ibu negeri lain, termasuk di Kuching dan Kota Kinabalu.

Hakikatnya, ketika kesepaduan sosial perlu dikukuhkan, kita tidak harus lupa untuk mengukuhkan integrasi nasional. Perpaduan kaum dan perpaduan antara negeri dan tiga wilayah itu penting diperkukuhkan. Bersatu teguh bercerai roboh. Sikap tolak ansur dan persefahaman perlu dipupuk dan dimantapkan.

Kita tidak boleh membiarkan racun dan anai-anai merosakkan rumah yang kita bina lebih lima dasawarsa. Malaysia yang makmur dan maju hanya dapat dicapai jika kita memiliki persefahaman jitu dan bersedia untuk berkorban sebagai rakyat Malaysia.

Sumber diubah suai: <https://www.bharian.com.my/amp/rencana>

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kepentingan pembentukan Malaysia dalam meningkatkan imej negara.

[8 markah]

- 8 Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun bermula pada tahun 1970 hingga tahun 1990.

(a) Mengapakah kerajaan memperkenalkan DEB? [4 markah]

(b) DEB dilaksanakan dengan menggunakan beberapa pendekatan.

Terangkan. [8 markah]

(c) Berikut merupakan petikan berkaitan dengan tajuk berita sebuah akhbar.

Kemelesetan ekonomi global diramal berlaku 60 peratus pada tahun ini.

Sumber: Utusan Malaysia, 6 April 2025

Sebagai rakyat, bagaimanakah anda menghadapi cabaran tersebut? [8 markah]

- 9 Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sikap terbuka, isu ekonomi, sosial mahupun politik peringkat global turut mempengaruhi perkembangan negara kita.

(a) Bagaimanakah sumbangan Malaysia dalam menangani isu-isu berikut:

- (i) Penyalahgunaan dadah [4 markah]
- (ii) Pemerdagangan orang [4 markah]
- (iii) Penyakit berjangkit [4 markah]

(b) Teliti infografik berikut.



Berdasarkan infografik, huraikan strategi pemimpin negara serantau bagi menangani isu tersebut. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT